



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of  
Professional and  
Continuing  
Education  
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2019/2020  
PROGRAM KERJASAMA**

**COURSE CODE** : DDWW 2323  
**KOD KURSUS**

**COURSE NAME** : ACCOUNTING INFORMATION SYSTEMS /  
**NAMA KURSUS** : SISTEM MAKLUMAT PERAKAUNAN

**YEAR / PROGRAMME** : 1 DDWW / DDPW  
**TAHUN / PROGRAM**

**DURATION** : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
**TEMPOH**

**DATE** : NOVEMBER 2019  
**TARIKH**

**INSTRUCTION** : Answer all questions in the answer booklet provided.  
**ARAHAN** : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

<b>NAME / NAMA PELAJAR</b>	:	.....
<b>I.C NO. / NO. K/PENGENALAN</b>	:	.....
<b>YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS</b>	:	.....
<b>COLLEGE NAME NAMA KOLEJ</b>	:	.....
<b>LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH</b>	:	.....

This examination paper consists of 5 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 5 muka surat termasuk kulit hadapan



**PUSAT PROGRAM KERJASAMA**

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK  
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

**1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN**

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

**2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Q1. Developing quality, error free software is a difficult, expensive, and time consuming task. As software developer feel the pressure they begin skipping system developments steps and just writing codes. Omitting basic systems development steps only leads to disaster, as developers create systems that fail to meet user needs or solve any of business problems. *(Membangunkan perisian yang berkualiti dan bebas daripada ralat adalah tugas sukar, mahal dan memakan masa. Apabila pembangun perisian merasai tekanan, mereka mula tidak mengikuti langkah-langkah sistem pembangunan dan hanya menulis kod. Meninggalkan langkah asas pembangunan sistem akan membawa kepada bencana, kerana pembangun menghasilkan perisian yang tidak memenuhi keperluan pengguna atau tidak menyelesaikan masalah perniagaan.)*

a. Give **FIVE** reasons why business needs to change its systems. *(Beri LIMA alasan kenapa perniagaan perlu mengubah sistemnya.)* (10m)

b. Explain the steps in systems development life cycle (SDLC). *(Terangkan langkah-langkah dalam kitaran hayat pembangunan system (SDLC).)* (10m)

c. When development efforts are poorly planned, a company must often return to a prior phase and correct errors. Such a process is costly and results in delays, frustration and low morale. Explain **TWO** types of systems development plans. *(Apabila usaha-usaha pembangunan dirancang dengan tidak baik, sebuah syarikat biasanya mesti berpatah balik kepada fasa sebelumnya dan membaiki ralat. Proses ini amatlah mahal dan menyebabkan kelewatan, kekecewaan dan merendahkan moral. Terangkan DUA bentuk perancangan pembangunan sistem.)* (5 m)

Q2. The first major activity in the expenditure cycle is ordering inventory or supplies. The key decision made in this initial step are identifying what, when and how much to purchase as well as identifying from which supplier to purchase. Weaknesses in the inventory control function can create significant problem. *(Aktiviti utama pertama dalam kitaran perbelanjaan adalah memesan barangan atau bekalan. Pembuatan keputusan utama dalam langkah permulaan ini adalah mengenalpasti apa, bila dan berapa banyak untuk dibeli dan juga mengenalpasti pembekal untuk membeli.*

*Kelemahan dalam mengawal fungsi inventori boleh mewujudkan masalah yang signifikan.)*

a. Explain **FIVE** threats in expenditure cycles. *(Terangkan LIMA ancaman dalam kitaran pembelian.)* (10 m)

b. For each threats in (a) explain **TWO** applicable control procedures. *(Bagi setiap ancaman di (a) terangkan DUA prosedur kawalan yang boleh dilaksanakan.)* (20 m)

Q3. The revenue cycle is a recurring set of business activities and related information processing operation associated with providing goods and services to customer and collecting cash in payment for those sales. The primary external exchange of information is with customers. *(Kitaran hasil adalah set aktiviti perniagaan yang berulang dan pemprosesan maklumat berkaitan operasi berkenaan dalam penyediaan barang dan perkhidmatan kepada pelanggan dan kutipan tunai bagi jualan tersebut. Pertukaran maklumat luar yang utama adalah berkaitan dengan pelanggan.)*

a. Identify **FOUR** primary objectives for revenue cycle. *(Kenal pasti EMPAT objektif utama kitaran hasil.)* (10 m)

b. The final step in the revenue cycle is cash collection. Because cash and customer checks can be stolen easily, it is important to take appropriate measures to reduce the risk of theft. Explain **FIVE** ways to handle cash collections. *(Langkah terakhir dalam kitaran hasil adalah kutipan tunai. Oleh kerana tunai dan cek amatlah mudah dicuri, ianya amat penting untuk mengambil langkah dalam mengurangkan risiko kecurian. Terangkan LIMA cara dalam menguruskan kutipan tunai.)* (10 m)

Q4. Disaster recovery and business continuity plans are essential if an organization hope to survive a major catastrophe. Being without an information system for even a short period of time can be quite costly. Some companies report losses as high as RM500,000 per hour of downtime. *(Pemulihan bencana dan perancangan*

*kelangsungan perniagaan amatlah mustahak jika organisasi mengharapkan untuk selamat dalam malapetaka besar. Keadaan tanpa sistem maklumat walaupun untuk tempoh yang pendek akan menyebabkan kerugian. Banyak syarikat melaporkan kerugian setinggi RM500,000 sejam semasa ketiadaan sistem.)*

- a. Give **FOUR** objectives of disaster recovery and business continuity plan. (*Beri **EMPAT** objektif pemulihan bencana dan perancangan kelangsungan perniagaan.*) (8 m)
- b. Full backup is an exact copy of the entire backup. It is time consuming therefore it is done weekly and it is supplement with daily partial backup. Explain **TWO** types of partial backup. (*Salinan sokongan penuh adalah satu salinan serupa salinan keseluruhan. Ianya memakan masa, oleh itu ianya dilakukan secara mingguan dan dibantu dengan salinan separa secara harian. Terangkan **DUA** jenis salinan separa.*) (7 m)
- c. An alternative to traditional backup that almost entirely eliminate the risk of losing any data is called real time mirroring. Explain the concept of real time mirroring. (*Satu alternatif kepada salinan tradisional yang mampu menghapuskan risiko kehilangan data adalah 'real time mirroring'. Terangkan konsep 'real time mirroring'.*) (5 m)

- Q5. Physical access controls are important layer of preventive controls. In fact controlling physical access to the system is absolutely essential to achieve any degree of information security. (*Kawalan capaian fizikal adalah lapisan penting dalam kawalan pencegahan. Sebenamya kawalan terhadap capaian fizikal kepada sistem amatlah penting untuk mencapai mana-mana tahap dalam keselamatan maklumat.*)
- a. Identify physical access control at entry point and in the building. (*Kenalpasti kawalan capaian fizikal pada titik masuk dan di dalam bangunan.*) (2 m)
- b. Identify physical access control for wired local area network (LAN). (*Kenalpasti kawalan capaian fizikal bagi rangkaian kawasan tempatan (LAN)*) (3 m)

**END OF QUESTION / SOALAN TAMAT**

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*

